

SIARAN AKHBAR

SME CORP. MALAYSIA SALUR BANTUAN KEWANGAN BERJUMLAH RM3 JUTA BIMBING 200 USAHAWAN BELIA SABAH



YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyampaikan replika cek kepada peserta terbaik Program TUBE-X Zon Sabah. Turut hadir adalah YBhg. Dato' Sri Suriani binti Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha KUSKOP (tiga dari kiri), YBhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima Bernard Giluk Dompok, Pengerusi SME Corp. Malaysia (dua dari kanan) dan YBrs. Encik Rizal bin Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia (kiri sekali).

PENAMPANG, 12 Mei 2024 – Sebanyak 200 usahawan belia Bumiputera Sabah telah berjaya dilatih tahun ini melalui bantuan geran berjumlah RM3 juta di bawah Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE). Program yang dilaksanakan oleh SME Corp. Malaysia, agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) ini bertujuan menggalakkan belia Bumiputera berumur antara 18 hingga 30 tahun menceburi bidang perniagaan. Majlis Penutupan Program TUBE-X Zon Sabah telah dirasmikan oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan

Usahawan dan Koperasi di International Technology & Commercial Centre (ITCC), Penampang, Sabah hari ini.

Program berbentuk latihan asas keusahawanan yang telah dijenamakan sebagai TUBE-X bersempena dengan tahun ke-10 penganjurannya ini telah dilaksanakan dengan kerjasama Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) selama tujuh (7) hari bermula pada 6 Mei yang lalu. Program yang juga dilaksanakan di empat (4) zon lain iaitu Zon Utara, Pantai Timur, Tengah/Selatan dan Sarawak ini menyediakan Geran Permulaan Perniagaan sehingga RM15,000.00 kepada setiap peserta yang berjaya menamatkan latihan.

Menurut YB Datuk Ewon Benedick, “Pada tahun ini, selepas tiga (3) tahun pelaksanaan Program TUBE secara dalam talian (*online*) akibat pandemik COVID-19, program ini kembali diadakan secara bersemuka atau fizikal agar tempoh pengajaran dan latihan keusahawanan dapat dimaksimakan dan secara tidak langsung mewujudkan jaringan sesama peserta. Sehingga Disember 2023, seramai 7,738 peserta TUBE telah mengambil bahagian dan peserta dari Sabah merupakan yang tertinggi menyertai program TUBE iaitu seramai 1,444 (18.66%). Peserta Alumni TUBE Sabah juga telah berjaya mewujudkan sebanyak 2,039 peluang pekerjaan di Sabah dengan nilai jualan perniagaan terkumpul sebanyak RM20.65 juta”.

YBhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima Bernard Giluk Dompok, Pengerusi SME Corp. Malaysia dalam ucapan aluannya menyatakan, “Daya kreativiti dan inovasi adalah penting dalam memastikan kejayaan seorang usahawan. Justeru, hasil daripada pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi daripada Program TUBE-X diharapkan dapat membantu usahawan belia Bumiputera meningkatkan daya kreativiti, ketahanan dan seterusnya melakukan inovasi dalam perniagaan masing-masing”.

YBrs. Encik Rizal bin Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia pula berkata, “Sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam pembangunan PMKS di Malaysia, tumpuan akan turut diberikan dalam membangunkan usahawan belia Bumiputera sejajar dengan aspirasi kerangka Ekonomi MADANI yang lebih saksama dan inklusif. Kami komited dalam memantau perkembangan setiap peserta TUBE-X yang tamat latihan dan memulakan perniagaan yang merupakan antara komponen utama dalam membimbing usahawan ke tahap yang lebih baik”.

Majlis Rasmi Penutupan Program TUBE-X 2024 dijadualkan untuk diadakan bersempena penutupan Zon Tengah/Selatan pada 11 Jun 2024 di Kuala Lumpur.

Secara keseluruhan, jumlah peserta belia Bumiputera yang berjaya dilatih di seluruh negara pada tahun 2024 adalah seramai 800 orang.

Dalam majlis yang sama, YB Datuk Ewon Benedick turut menyampaikan replika cek kepada wakil peserta TUBE-X sebagai simbolik kepada penamatan sesi latihan Program TUBE-X serta menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara SME Corp. Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah (UMS). MoU dengan UMS ini merintis jalan bagi kerjasama melaksanakan inisiatif kemampunan untuk PMKS di Sabah yang merangkumi pembinaan kapasiti dan promosi amalan Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus (ESG), membangunkan ekosistem kredit karbon di Sabah serta menjalankan aktiviti berkaitan pembangunan modal insan dan penyelidikan.

Hadir sama semasa Majlis Perasmian Penutupan Program TUBE-X Zon Sabah adalah YBhg. Dato' Sri Suriani binti Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha KUSKOP, YBhg. Datuk Haji Zamri bin Salleh, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Usahawan) KUSKOP, YBhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima Bernard Giluk Dompok, Pengerusi SME Corp. Malaysia, YBhg. Prof. Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor, Naib Canselor UMS dan YBrs. Encik Rizal bin Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia.

– TAMAT –

Tentang SME Corp. Malaysia

SME Corp. Malaysia merupakan Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). SME Corp. Malaysia juga menyelaras program pembangunan PMKS di Malaysia, menjalankan penilaian ekonomi dan pengakreditasian PMKS, serta melaksanakan program pembangunan perniagaan dan fasilitasi akses PMKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)

Aras 6, Blok B, Platinum Sentral
Jalan Stesen Sentral 2
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Tel : 603-9213 0077
Faks : 603-2775 6001
E-mel : info@smecorp.gov.my
Laman sesawang: www.smecorp.gov.my

Pengarah
Bahagian Komunikasi Korporat
(U.P. : Pn. Suraini Mohamad Sulaiman)
Tel : 03-2775 6290
E-mel : suraini@smecorp.gov.my